KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JKPTG			

SH 11.12.2021_33

Tiada kompromi isu teroka tanah haram

Wakil rakyat digesa ajak rakyat hormati undang-undang

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN



Wan Rosdy ketika sesi pergulungan perbahasan sidang DUN Pahang disini pada Jumaat.

SIDANG DUN PAHANG

Kerajaan Pahang tidak akan bertolak ansur terhadap isu penerokaan tanah haram kerana pemilikan tanah oleh seseorang individu harus diselesaikan mengikut lunas perundangan.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, sehubungan itu semua wakil rakyat di negeri tersebut diminta memberi penerangan dan pencerahan perundangan serta etika kepada mereka yang terlibat penerokaan tanah haram.

"Ini (memberi penerangan) adalah tanggungjawab sebagai pemimpin iaitu mengajak rakyat untuk hormat undang-undang.

"Saya amat kecewa apabila melihat ada di antara kita (wakil rakyat) seperti menyokong dan berada di pihak peneroka haram. Betul, kita harus menjadi suara kepada rakyat, tetapi bak kata orang lama, kalau nak menurut biarlah berakal. Kalau nak mengikut biarlah pintar," katanya ketika sesi menggulung perbahasan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di sini, pada Jumaat.

> *Saya amat kecewa apabila melihat ada di antara kita (wakil rakyat) seperti menyokong dan berada di pihak peneroka haram."*

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata, Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) dan kerajaan Pahang akan menerima peruntukan sebanyak RM2.1 bilion daripada Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki Perkhidmatan Bekalan Air di seluruh Pahang.

Beliau berkata, peruntukan itu adalah sebahagian daripada Pelan Transformasi Paip yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM4 bilion.